

FPP BizNewz

December 2020 – May 2021

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**TRIBUNAL TUNTUTAN
PEMBELI RUMAH:**
Pembeli vs Pemaju
Perumahan

Is Working from Home
a Dream-Come-True
for Introverts or
Vice Versa?

Market Reaction to
PRIVATE PLACEMENT

BELAJAR DENGAN
TikTok

HIBAH:
Alternatif kepada
Pengurusan Aset
Islam di Malaysia

BENGKEL PEMANTAPAN
**PENULISAN ARTIKEL
UNTUK PENERBITAN**

**BERSELAWATLAH,
TANDA KASIH KEPADA
RASULULLAH S.A.W.**

E-DOMPET
DI MALAYSIA:
SATU TINJAUAN

ONE JOURNEY
COMES TO AN END
AND ANOTHER **BEGINS**



Photo by:
M Rishal
on Unsplash


e-Bulletin of the Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811

Photo by:
Ayse Bek
on Unsplash

BERSELAWATLAH, TANDA KASIH KEPADA RASULULLAH S.A.W.

Nor Hidayah Harun
Nor Fadzilah Zainal

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Pulau Pinang



*Allahumma Solli'ala Sayyidina Muhammad
Wa 'Ala Alihi Wa Sohbihi Wassalim*

Berselawat merupakan amalan yang sangat mulia. Setiap kali kita berselawat kepada Baginda Nabi Muhammad S.A.W., Allah S.W.T. dan para malaikat turut berselawat ke atas Baginda S.A.W. Tuntutan berselawat telah dinyatakan dalam Al-Quran seperti berikut:

"Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi S.A.W. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu ke atas Nabi S.A.W. dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya".
(Al-Ahzab: 56)

Justeru, bagaimanakah kita sebagai umat Baginda S.A.W.? Sewajarnya kita dituntut untuk berselawat sebanyak-banyaknya demi membalas cinta Baginda S.A.W. kepada kita. Amalan ini amatlah ringan untuk diusahakan tetapi hati yang berat yang menjadikannya sukar. Jadi, bagaimanakah cara untuk kita menjadikannya ringan di mulut? Ia adalah dengan mengetahui dan memahami kelebihan berselawat kepada Baginda S.A.W.

Antara kelebihan yang diberikan kepada kita sebagai umatnya adalah Baginda S.A.W. sendiri yang akan memberi syafaat kelak untuk kita semua menuju ke syurga Allah. Berselawat pastinya tidak merugikan kita baik kehidupan di dunia mahupun akhirat. Tiada siapa yang dapat menolong kita kelak di Mahsyar melainkan Baginda Rasulullah S.A.W. Selain itu, kelebihan berselawat adalah Allah akan merahmati hidup kita di dunia dan akhirat seperti yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim.

"Orang yang berselawat ke atas aku sekali, Allah berselawat ke atasnya sepuluh kali".

Setelah kita memahami, pastinya kita akan mencari jalan untuk cuba mengamalkan selawat. Amal itu akan diperolehi apabila kita mencari dan memahami ilmu. Syurga itu adalah harapan dan masa depan kita. Namun begitu, ilmu tanpa amal hanyalah angan-angan. Oleh itu, antara salah satu alat yang dapat membantu kita melakukan amalan berselawat ini dengan istiqomah adalah dengan memiliki tasbih. Kini, terdapat pelbagai versi tasbih digital

(seperti dalam gambar di bawah) yang dijual di pasaran dengan harga yang amat mampu dimiliki. Pelaburan sebegini adalah amat berbaloi demi mendapatkan cinta Allah S.W.T. dan Rasulullah S.A.W., *in sha Allah*.

Tasbih digital adalah senjata utama untuk kita berperang dengan syaitan yang tidak akan pernah reda memerangi kita yang ingin berselawat puluhan ribu. Oleh yang demikian, syaitan sangat suka jika tasbih jauh daripada kita kerana saat ia berjauhan dengan kita, nescaya kita akan lupa untuk berselawat. Tasbih juga boleh menjadi alat untuk kita sentiasa berhubung dengan Rasulullah S.A.W., dan semoga dengan berkat berselawat, Allah S.W.T. akan memakbulkan impian kita untuk bertemu dengan Rasulullah S.A.W. dalam mimpi kita dan di syurga kelak. *Allahumma Amiin*. Setiap hari kita cuba sasarkan jumlah selawat bermula dari masuknya waktu Maghrib. Mulakan sekarang. Sasarkan 1000, 3000, dan seterusnya hari demi hari tingkatkan jumlahnya kerana Baginda S.A.W. bersabda:

"Orang yang paling dekat denganku di hari kiamat nanti adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku".
(H.R. Imam Tirmidzi; hasan)

Ayuh kita mulakan tanpa berlengah agi. Bersemangatlah semua demi membuktikan *"Ya Rasulullah, cinta tulusmu ku sambut, rinduku padamu terluah dengan selawat"*.



Gambar 1: Tasbih digital tanpa fungsi bunyi "beep" setelah cukup kiraan 100



Gambar 2: Tasbih digital dengan fungsi bunyi "beep" setelah cukup kiraan 100



FPP BizNewz

December 2020-May 2021
Faculty of Business and Management
UiTM Cawangan Terengganu
eISSN 2600-9811